

ALOR STAR, 27 MEI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMMED MENGESORKAN SUPAYA SEMUA DEWAN PERNIAGAAN MELAYU DI NEGARA INI MENGAJAI KEMUNGKINAN MENGADAKAN AMANAH SAHAM MASING-MASING UNTUK MEMBELI SAHAM-SAHAM YANG DIKHAASKAN KEPADA BUMIPUTRA.

SYOR ITU IALAH UNTUK MENGATASI MASALAH PEMBELIAN SAHAM OLEH BUMIPUTRA MEMANDANGKAN SEBANYAK KIRA-KIRA \$138.6-JUTA SAHAM YANG DIKHAASKAN UNTUK MEREKA MASIH BELUM DIBELI LAGI.

KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KETIGA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA CAWANGAN KEDAH DI SINI HARI INI BELIAU BERKATA MELALUI AMANAH SAHAM SEPERTI ITU KEGAGALAN SESUATU PERNIAGAAN DAPAT DIKURANGKAN.

TURUT HADIR DALAM MAJLIS TERSEBUT IALAH MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN DAN PEMANGKU TIMBALAN YANG DIPERTA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA, SENATOR KAMARUL ARIFFIN.

DR. MAHATHIR BERKATA AMANAH SAHAM ITU JUGA AKAN MEMBOLEHKAN PELABURAN YANG KECIL DIBUAT BERKALI-KALI SEPERTI SIMPANAN DISAMPING MENJAMIN PENJUALAN BALIK SAHAM.

BELIAU BERKATA KERAJAAN SEDANG MENGAJAI CARA-CARA UNTUK MENENTUKAN BAHWA SAHAM YANG TELAH DIUNTUKKAN KEPADA BUMIPUTRA AKAN DAPAT DIBELI OLEH MEREKA AKHIRNYA.

DARI 1969-1975 JUMLAH SAHAM YANG TELAH DIKHAASKAN KEPADA BUMIPUTRA DALAM SYARIKAT-SYARIKAT YANG DILULUSKAN IALAH \$911-JUTA DARIPADA JUMLAH MODAL SEBANYAK \$3,559-JUTA YANG DICADANGKAN, KATANYA. -- BERSAMBUNG 1453/LK

569:

MAHATHIR 2 ALOR STAR

KATANYA DARIPADA JUMLAH EQUITI TERSEBUT JUMLAH MODAL YANG SEBENAR YANG DIPANGGIL BAGI PROJEK-PROJEK YANG DILAKSANAKAN IALAH \$1,472-JUTA DENGAN \$364-JUTA ATAU 27.4 PERATUS DARIPADANYA TELAH DIKHAASKAN KEPADA BUMIPUTRA.

+SETEKAT INI CUMA \$225.5 JUTA ATAU 15.3 PERATUS DARIPADA JUMLAH ITU (\$364-JUTA) TELAH DIBELI DAN DIMILIK OLEH MEREKA SEMENTARA BAKINYA SEBANYAK \$138.6 JUTA SAHAM MASIH BELUM DIBELI, + KATANYA.

SATU CIRI YANG KURANG MENARIK IALAH 62.9 PERATUS DARIPADA SAHAM-SAHAM SEBENAR YANG DIKHAASKAN ITU TELAH DIBELI OLEH INSTITUSI-BUMIPUTRA MANAKALA PELABURAN DAN PENANAMAN MODAL SYARIKAT-SYARIKAT DAN ORANG-ORANG PERSEORANGAN HANYA 37.1 PERATUS SAHAKA.

+INI JELAS MEMBUKTIKAN BAHAWA PENGLIBATAN ORANG-ORANG PERSEORANGAN DAN SYARIKAT-SYARIKAT BUMIPUTRA SEPERTI YANG DIHARAP-HARAPKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MEMASTIKAN PENYERTAAN AKTIF MEREKA DALAM PEMILIKAN SAHAM DI SYARIKAT PERINDASTERIAN MASIH BELUM MENCUKUPI, + KATANYA.

MENYENTUH TENTANG PENGLIBATAN BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDASTERIAN, DR. MAHATHIR MENYATAKAN RASA KESALNYA KERANA WALAUPUN TERDAPAT PERATURAN-PERATURAN UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA BUMIPUTRA BERKECIMPONG DI BIDANG-BIDANG ITU TETAPI MEREKA MASIH JAUH KETINGGALAN.

BELIAU MEMBERI CONTOH DALAM PROJEK-PROJEK PERINDASTERIAN YANG DILULUSKAN BAGI TEMPOR 1969-1975 HANYA 10 PERATUS ATAU 216 SAHAJA ADALAH KEPUNYAAN ORANG-ORANG MELAYU. -- BERSAMBUNG 1500/LK

570:

MAHATHIR 3 ALOR STAR

KATANYA, PROJEK-PROJEK TERSEBUT MERUPAKAN YANG KECIL DAN SEDERHANA SAHAJA DAN TIDAK PULA DIMILIKI SERATUS PERATUS OLEH BUMIPUTRA.

TIMEALAN PERDANA MENTERI JUGA MENYERU PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTRA SUPAYA MENCUBA PERDAGANGAN MENGEDAR BARANG-BARANG BERBAGAI JENIS DAN JANGAN HANYA MENUMPUKAN KEPADA BARANG-BARANG TERTENTU ATAU YANG DIKENAKAN SEKATAN QOTA SEMENTARA SAHAJA.

TEGASNYA KERAJAAN SENTIASA AKAN TERUS MEMBANTU MEREKA TETAPI APA YANG LEBIH PENTING IALAH SIKAP KESEDERAN, DAYA USAHA DAN KESANGGUPAN BUMIPUTRA SENDIRI UNTUK MEREKUT PELUANG-PELUANG YANG TELAH DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN.

KERAJAAN DARI MASA KESEMASA MENGADAKAN SEMINAR-SEMINAR PELABURAN TEMPATAN UNTUK MENENTUKAN TERCAPAINYA MATLAMAT ITU, DISAMPING MEMBERI GAMBIARAN KEPADA BAKAL-BAKAL PELABUR TERMASUK BUMIPUTRA TERHADAP PELUANG DAN GALAKAN PELABURAN YANG DISEDIAKANNYA.

UNTUK MELENGKAPKAN BUMIPUTRA SUPAYA DAPAT BERTANDING DENGAN KAUM-KAUM YANG LAIN MAKA KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERI LATIHAN DAN PIMPINAN YANG KHUS KEPADA MEREKA.

KATANYA, SEBAGAI CONTOH PUSAT DAYA DAN PENGELUARAN NEGARA TAHUN 220 LALU TELAH MELATIH SEJUMLAH 2,116 ORANG BUMIPUTRA ATAU 51.3 PERATUS DARI JUMLAH 4,120 PELATIH-PELATIH DI BIDANG TEKNIK PENGURUSAN MODEN.

MENYENTUH TENTANG KEMAJUAN PERINDASTERIAN DI KEDAH, DR. MAHATHIR BERKATA SEHINGGA BULAN MACH TAHUN INI SEBANYAK 103 PROJEK PERINDASTERIAN YANG MELIBATKAN MODAL \$143.44-JUTA TELAH DILULUSKAN.

KATANYA, DARIPADA PROJEK-PROJEK ITU ADALAH DIANGGARKAN BAHAWA 18,857 PELUANG PEKERJAAN DAPAT DIADAKAN.

DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA JAWATANKUASA PELABURAN NEGERI KEDAH SERTA AJENSI-AJENSI LAIN AKAN TERUS BERUSAHA MEMPERCEPATKAN LAGI KAHAR PERLAKSANAAN PROJEK-PROJEK PERUSAHAAN DI NEGERI INI KHASNYA DI KAWASAN-KAWASAN YANG KURANG MAJU. -- BERSAMBUNG 1511/LK

PEMBETULAN

DALAM BERITA 570 +MAHATHIR 3 ALOR STAR+ PARA DUA... HARAP BACA.....
..MENYERU PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTRA SUPAYA MENCUBA PERDAGANGAN
MENGEDAR BARANG-BARANG...TK. --BERNAMA

571:

MAHATHIR 4 ALOR STAR

TERDAHULU DARI ITU, SENATOR KAMARUL ARIFFIN BERKATA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA DAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN KEBANGSAAN SEDANG MENKAJI CARA-CARA UNTUK Mencari KEWANGAN BAGI MENAMPUNG KEGIATAN-KEGIATANNYA.

MEREKA AKAN KEMUKAKAN KEPADA KERAJAAN SUPAYA DAPAT MENGUTIP CUKAI DARI DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN SEPERTI CUKAI GETAH DAN KEMUDIANYA CUKAI ITU DISALURKAN BALIK KEPADA DEWAN-DEWAN BERKENAAN. -- BERNAMA 1614/LK